

KESELAMATAN JALAN RAYA

Pemakaian tali pinggang keledar kurangkan risiko kecederaan



Penggunaan tali pinggang keledar mampu mengurangkan risiko kecederaan dan menyelamatkan nyawa jika terbabit dalam kemalangan jalan raya.

Statistik kemalangan yang meningkat dari tahun ke tahun cukup membimbangkan. Rekod kemalangan pada tahun 2010 mencapai 414,421 kes berbanding 397,330 kes pada tahun 2009. Menurut kajian terbaharu Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), kematian jalan raya di Malaysia dijangka meningkat ke-

pada 8,760 kes pada tahun 2015, malah berpotensi mencecah 10,716 kes pada tahun 2020.

Duduki tempat ke-17

Kajian yang dilakukan oleh Universiti Michigan pada Februari 2014, menunjukkan Malaysia kini di tangga ke-17 tertinggi dalam kadar kematian jalan raya di dunia dengan 30 kematian bagi setiap 100,000 penduduk. Ber-

banding Singapura, jumlah kematian hanya enam dan Amerika Syarikat, 14 kematian dilaporkan.

Kecederaan teruk akibat kemalangan masih boleh dikawal dengan pemakaian tali pinggang keledar. Walaupun pada 1 Januari 2009 dikuatkuasakan pemakaian tali pinggang keledar kepada penumpang bahagian belakang, namun masih ada

BH
m/s 18/5/2015

m/s 34

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:
**bhforum@
bharian.com.my**

yang memandang remeh.

Tahukah mereka penggunaan tali pinggang keledar mampu mengurangkan risiko kecederaan dan menyelamatkan nyawa?

Kesedaran individu penting

Meskipun peranan polis trafik dalam memastikan pemandu dan penumpang kenderaan memakai tali pinggang keledar adalah penting, kesedaran individu itu sendiri lebih utama bagi menjayakan misi ini.

Banyak kejadian di mana pemandu serta penumpang tergesa-gesa memakai tali pinggang keledar sebaik mendapati ada polis melakukan rondaan atau sekatan jalan raya. Seolah-olah tali pinggang keledar itu hanyalah perisai supaya tidak disaman. Walaupun kompaun saman kesalahan tidak menggunakan tali pinggang keledar berjumlah RM300, yang lebih penting, harga nyawa yang di-

selamatkan tidak ternilai.

Selain itu, tidak terkecuali juga kemalangan yang membabitkan kanak-kanak dan bayi. Banyak kes dilaporkan membabitkan bayi tercampak keluar dari kereta dan seumpamanya. Baru-baru ini, bayi berusia 7 bulan menjadi mangsa nahas di Lebuhraya DUKE. Masyarakat patut mengambil iktibar dan prihatin terhadap keselamatan bayi.

Meskipun tali pinggang keledar khas untuk bayi tidak disediakan, ibu bapa harus bertanggungjawab meletakkan anak pada kerusi khas berikutan keselamatan bayi yang diriba tidak terjamin.

Cadangan awal Persatuan Pengguna Malaysia (Macons) dan disokong Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, iaitu ibu bapa perlu menyediakan kerusi khas bayi di dalam kereta bagi keselamatan anak mereka adalah idea bernas dan wajar diberi perhatian.

Selagi mana kita mampu menjaga keselamatan dan nyawa, berusahalah menjaganya sebelum nikmat itu dirampas.

Usaha kerajaan perlu lebih dimantapkan lagi dengan penguatkuasaan jalan raya oleh pihak berwajib. Pemandu perlu wajibkan diri sentiasa memakai tali pinggang keledar serta memastikan penumpang turut sama. Hargailah nyawa anda dan orang yang tersayang.

**Tengku Nor Syazana
Tengku Samsul Alang**
Fakulti Pengajian Bahasa
Utama (FPBU)
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)